

Ada pihak yang tak dipilih cuba ambilalih kuasa rakyat — PM

4 JUL 1988

KUCHING 3 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberi amaran ada pihak di institusi - institusi tertentu sedang cuba mengambilalih kuasa dari rakyat.

Katanya, pihak tersebut cuba membelakangkan undang - undang dan juga sistem pemerintahan yang ada.

"Jika golongan segelintir ini berkuasa, mereka akan bertindak mengikut nafsu." Perdana Menteri menegaskan ketika berucap di Perhimpunan Gerakan Setia Bersama Rakyat (SE-MARAK) peringkat Negeri Sarawak di Kampung Pinang Jawa, dekat sini hari ini. Kira-kira 40,000 orang menyertainya.

Sambil menyatakan kesedaran kerajaan terhadap usaha - usaha tersebut, Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan tidak akan membelakangkan sistem pemerintahan negara ini.

Dalam hubungan itu, beliau menarik perhatian bahawa kerajaan tidak mahu mana - mana institusi yang sepatutnya menjayakan keadilan dan keamanan diperalatkan oleh pihak - pihak yang bernafsu besar itu.

Perdana Menteri menyeru rakyat mempertahankan demokrasi kerana terdapatnya segolongan lain yang dilantik memegang jawatan tertentu dan bukan dipilih oleh rakyat ingin menggunakan kedudukan mereka untuk merebut kuasa.

Katanya, sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab pimpinan sekarang akan terus berusaha mengekalkan demokrasi.

"Kita tidak mahu kepentingan negara diperolehi oleh orang - orang tertentu sahaja. Ini kerana rakyat Malaysia berkuasa melalui demokrasi," ujarnya disambut oleh tepukan gemuruh oleh hadirin yang kuyup dibasahi gerimis.

Beliau menegaskan, melalui demokrasi me-

manglah sukar mendapat kuasa atau persetujuan daripada kesemua 16 juta orang rakyat negara ini.

"Tetapi yang kita utamakan ialah suara majoriti. Yang minoriti tidak berhak menghalang hak - hak majoriti. Bila kita memerintah, yang minoriti patut mengikutnya," jelasnya lagi.

Mengenai dakwaan oleh pihak - pihak tertentu kononnya negara

ini diperintah secara dik-tator dan Malaysia sudah menjadi pemerintahan polis, Datuk Sri Dr. Mahathir menangkis dakwah tersebut dengan mengatakannya bahawa ia sengaja diadakan oleh pihak yang berniat jahat.

Beliau menegaskan bahawa pihak polis hanya menjalankan tugas mengawal keselamatan umum.

LIHAT MUKA 2

Ada pihak yang tidak dipilih cuba ambilalih kuasa rakyat

"Kita sendiri tahu, dengan adanya polis kita merasa lega dan negara kita aman, tetapi orang-orang yang berniat jahat mengatakan kita menjadi negara polis," ujarnya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak akan menjadi diktator. Memang banyak negara diktator menjadi kuasa besar, tetapi rakyatnya derita, katanya lagi.

"Kita tidak mahu itu semua. Tidak guna membangunkan negara jika rakyatnya derita," tegasnya.

Mengenai perhimpun-

an SEMARAK, Perdana Menteri berkata, ia membuktikan kepada dunia bahawa Malaysia mempunyai pemimpin yang setia kepada rakyat dan rakyatnya pula setia kepada pemimpin.

Dalam ucapannya yang disiarkan secara langsung oleh RTM itu, Datuk Sri Dr. Mahathir memberikan 'lampu hijau' kepada rakyat untuk menamatkan riwayat kepemimpinan pemimpin yang tidak setia kepada rakyat.

"Dalam demokrasi, memang rakyatlah yang

patut memerintah, kita tidak mahu golongan elit sahaja yang memerintah. Sebaliknya kita mahukan rakyat membetulkan kerajaan," jelasnya.

Terdahulu daripada itu, ketibaan Perdana Menteri serta isteri dan rombongan disambut oleh Ketua Menteri, Datuk Patinggi Taib Mahmud dan isteri.

Koir negeri mengandungi 108 orang kemudiannya menyanyikan lagu kebangsaan diikuti dengan lagu Setia sebelum lafaz taat setia oleh 24 orang belia diikuti oleh Joseph Pang disampaikan.

Perdana Menteri juga memberi jaminan Kerajaan Pusat akan terus membangunkan Sarawak.

Komitmen Kerajaan Pusat terhadap Sarawak terbukti banvaknya pem-

bangunan yang dibawa ke negeri itu sejak ia merdeka melalui Malaysia 25 tahun lalu.

"Sarawak kini sama maju dengan negeri-negeri lain," ujarnya.

Beliau menekankan bahawa pembangunan itu tercapai kerana penduduk di Sarawak tidak tersalah pilih pemimpin.

Pemimpin yang dipilih oleh mereka sanggup bekerja demi faedah rakyat, katanya.

Beliau menarik perhatian kepada tanggapan silap pihak luar pada masa dahulu yang memikirkkan rakyat Sarawak tidak mampu memerintah negeri sendiri.

"Kita telah buktikan bahawa kita boleh memerintah dan membangunkan negeri dan negara kita di samping mengalahkan musuh-musuh negara kita," ujarnya.